



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

# MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI KALI KE-62

## AGENDA 8(a) LAPORAN PENILAIAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

25 FEBRUARI 2025 | 2.30 PETANG | DEWAN SENAT, BANGUNAN CANSELORI PUTRA,  
UPM

**Berilmu Berbakti** Pertanian • Inovasi • Kehidupan





# FOKUS PELAPORAN

Memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-62 berhubung:

- 1** **Jumlah Isu Bagi Risiko Operasi Tahun 2024**
- 2** **Penilaian Risiko Operasi Tahun 2024  
(Pertengahan Tahun Kedua HY2 2024)**
- 3** **Perbandingan Penilaian Risiko Operasi HY2 (2023)  
dan Risiko Operasi HY2 (2024)**
- 4** **Senarai Risiko Tinggi HY2 2024**

# JUMLAH ISU BAGI RISIKO OPERASI TAHUN 2024



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

## Jumlah Keseluruhan Penyataan Isu / Masalah

# 397

## Jumlah Penyataan Isu / Masalah Mengikut Klasifikasi PTJ

### Fakulti / Sekolah / Akademi

117

### Institut

84

### Pusat

105

### Pejabat

32

### Bahagian

20


### Kolej

27


### Perkhidmatan

12

## Jumlah Isu Dalaman & Luaran




## Jumlah Isu Baru & Sedia Ada



## Kategori Fungsian / Operasi



## Kesan Kepada KPI UPM & Pihak Berkepentingan



# PENILAIAN RISIKO OPERASI TAHUN 2024 (PERTENGAHAN TAHUN KEDUA HY2 2024)



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI



**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT

36.5%


56%

7%

0.5%



Penilaian risiko dibuat oleh setiap PTJ dengan mengambil kira setiap PTJ mempunyai tindakan berbeza (kawalan sedia ada untuk mengawal isu dan strategi tindakan untuk menangani risiko tinggi dan sederhana) walaupun terdapat pernyataan isu yang sama di antara PTJ.



Jadual 12 Kaedah 4Ts untuk kawalan tindak balas ke atas risiko

| Bil. | Kaedah Kawalan         | Penerangan   |
|------|------------------------|--|
| 1.   | Tolak ansur (Tolerate) | Risiko yang boleh diterima oleh universiti tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan yang sedia ada.   |
| 2.   | Rawat (Treat)          | Risiko yang boleh dirawat oleh universiti dengan menggunakan sumber sedia ada. Kombinasi hirarki kawalan adalah sesuai diamalkan bagi memastikan kadar risiko adalah sentiasa terkawal.                        |
| 3.   | Pindah (Transfer)      | Risiko yang boleh ditanggung oleh pihak lain selain universiti. Pilihan ini adalah baik bagi mengawal risiko berkaitan kewangan dan aset. Contoh: pengambilan insurans.  |
| 4.   | Hapus (Terminate)      | Risiko yang tidak boleh lagi di tanggung oleh universiti secara berterusan mestilah dihapuskan. Universiti telah pun cuba menangani isu risiko ini dengan kaedah kawalan yang lain tetapi masih tidak berjaya. |

Rujuk: Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM (m/s:45)

| Kaedah Kawalan                | Tindakan PTJ Ke Atas Kawalan Risiko   |
|-------------------------------|---|
| <b>Tolak ansur (Tolerate)</b> | <p><b>Bagi tahap risiko Rendah: Terima risiko dan pantau kawalan sedia ada (Pemantauan secara berterusan)</b></p> <p>Risiko tahun sebelum yang berada pada tahap risiko rendah dua tahun berturut-turut, boleh digugurkan jika risiko tersebut tidak lagi memberi impak kepada PTJ.</p> <p>Walau bagaimanapun, jika risiko tersebut masih relevan dan perlu untuk tujuan pemantauan, ianya boleh dikekalkan dalam senarai risiko operasi PTJ.</p> |
| <b>Rawat (Treat)</b>          | <p><b>Bagi tahap risiko Sederhana dan Tinggi: Pantau kawalan sedia ada dan strategi tindakan (tukar strategi tindakan sekiranya tahap risiko kekal Sederhana atau Tinggi)</b></p>   |
| <b>Pindah (Transfer)</b>      | <p><b>Majukan surat/bincang dengan PTJ yang dikongsi/pindah</b></p> <p>Bagi keputusan pindah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>PTJ pemindah - Majukan surat kepada PTJ yang menerima (Isu tersebut kekal dalam daftar risiko PTJ dan perlu dipantau tindakan kerana isu ini dikongsi bersama.)</li> <li>PTJ penerima - laksana dan pantau tindakan bagi isu yang diterima</li> </ul>  |
| <b>Hapus (Terminate)</b>      | <p>a) Tahap <b>penilaian risiko adalah 'Rendah'</b> selama <b>2 tahun berturut-turut, boleh</b> digugurkan pada tahun berikutnya;</p> <p>b) <b>Tidak relevan</b> dengan operasi Pusat Tanggungjawab</p>   |
| <b>Belum nilai</b>            | <b>Rekod &amp; pantau masa/tempoh penilaian</b>   |

# PERBANDINGAN PENILAIAN RISIKO OPERASI HY2 (2023) DAN RISIKO OPERASI HY2 (2024)



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PUTRA**  
PERTANIAN UNTUK RAKYAT




**2023**

Jumlah Keseluruhan Penyataan Isu / Masalah  
**375**

Peningkatan bilangan isu sebanyak 22


**2024**

Jumlah Keseluruhan Penyataan Isu / Masalah  
**397**



**Jumlah risiko tinggi  
HY2 2024 = 29**

## RISIKO TINGGI MENGIKUT FUNGSIAN / OPERASI



# SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                                  | Fungsian / Operasi           | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko  | Kesan Kepada Bidang KPI UPM      | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai   | Peluang                       | Keberkesanan Tindakan  |
|----|---|------------------------------|---|---|----------------------------------|---|-------------------------|---|-------------------------------|--|
| 1  | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul | Infrastruktur / Persekitaran | Proses baik pulih bangunan / infrastruktur yang rosak / usang tidak dapat dilaksanakan dengan segera akibat kekangan kewangan | Persekitaran yang tidak kondusif untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan serta meningkatkan risiko keselamatan kepada warga fakulti. | Pihak Berkepentingan             | 1. Memohon peruntukan daripada Universiti atau KPT dan menetapkan keutamaan pada kerja baik pulih yang melibatkan kemudahan pelajar dan keselamatan.<br>2. Melantik Pegawai Bertanggungjawab untuk melaporkan segera sebarang kerosakan yang berlaku agar dapat ditangani segera.<br>3. Menggiatkan usaha penjanaan | Rawat (Treat)           | Tiada strategi baharu. Fakulti akan meneruskan strategi yang dinyatakan dalam penilaian HY1.  | Tahap kerosakan dapat dikawal | 1. Sebanyak 51% peratus aduan kerosakan dapat dibaiki pada tahun 2024.<br>2. Sebanyak 37 alat penghawa dingin baharu dapat dipasang menggantikan penghawa dingin yang rosak<br>3. Fakulti menerima markah 90.02% (Cemerlang) daripada pihak OSH semasa Audit Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi tahun 2024 berbanding 85.05% (Baik) semasa audit 2023. |
| 2  | Fakulti Ekologi Manusia                   | Infrastruktur / Persekitaran | Masalah baikpulihan bangunan/peralatan/infrastruktur yang usang /rosak memerlukan kos yang tinggi                             | Agihan bajet bagi keperluan pengajaran dan pembelajaran terpaksa dikurangkan  | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | Penggunaan Akaun Amanah Perkhidmatan FEM iaitu akaun amanah hasil pendapatan sewaan ruang dan sumbangan hasil penjanaan pendapatan  | Rawat (Treat)           | 1. Permohonan bajet Rancangan Malaysia Ke-13<br>2. Permohonan bajet one-off baikpulihan daripada Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA)<br>3. Penggunaan peruntukan akaun amanah yang lain untuk menampung fasiliti/infra/peralatan yang rosak/usang. |                               | 1. Belum ada pemakluman tentang kelulusan bajet RMK-13<br>2. Permohonan bajet one-off belum dikemukakan.<br>3. Penggunaan sebanyak RM104,619.97 daripada Akaun Amanah lain bagi menampung ketidakcukupan peruntukan belanja mengurus untuk baik pulih/penggantian peralatan/infra untuk PdP  |

# SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                              | Fungsian / Operasi           | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko                                      | Kesan Kepada Bidang KPI UPM      | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai   | Peluang  | Keberkesanan Tindakan   |
|----|---------------------------------------|------------------------------|---|---|----------------------------------|---|-------------------------|---|--|---|
| 3  | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | Pentadbiran / Perkhidmatan   | Kekurangan sumber manusia staf bukan akademik   | Meningkatkan kos kewangan untuk melantik staf kontrak | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | Penelitian dan semakan semula gred yang berkaitan di peringkat PTJ (petikan minit/ABM)  | Rawat (Treat)           | Menggalakkan penjana di peringkat Jabatan dan unit bagi kegunaan lantikan staf kontrak  | Maklumat pelantikan, Laporan dan mengurus  |   |
| 4  | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | Keselamatan / Kesihatan      | Kehadiran kulat di dalam bangunan pentadbiran dan makmal  | Pertambahan bilangan ruang yang berkulat              | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | Tindakan sedia ada (mengecat anti-kulat dan menukar siling berkulat).   | Rawat (Treat)           | Mewujudkan Task Force bagi mengatasi isu kulat  | Memastikan ruang/makmal yang terdapat aduan jangkitan kulat dipantau dan dilaksanakan tindakan sewajarnya  |   |
| 5  | Fakulti Perubatan Veterinar           | Infrastruktur / Persekitaran | Kekurangan fasiliti di dalam dewan/bilik kuliah dan makmal pengajaran untuk menampung keperluan PdP berikutan pertambahan pelajar baharu T20 bermula sesi 2024/2025 | Menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran      | Pihak Berkepentingan             | 1. Permohonan pembelian peralatan baharu<br>2. Tambah baik fasiliti sediada<br>3. Memperkukuhkan jaringan industri dengan fakulti bagi meningkatkan pendanaan | Rawat (Treat)           | 1. Permohonan pembelian peralatan baharu akan diteruskan di bawah RMKe-13.<br>2. Membuat penggantian peralatan usang di makmal melalui RMKe-12 RP5.<br>3. Menambah baik fasiliti sedia ada.<br>4. Memperkukuhkan jaringan industri untuk mendapatkan penajaan bagi menaik taraf fasiliti sedia ada.<br>5. Meningkatkan penajaan pendapatan Fakulti dengan memperkenalkan caj perkhidmatan yang lebih kompetitif.<br>6. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Pusat Perhubungan Alumni bagi mendapatkan sumbangan alumni FPV untuk tujuan menaik taraf peralatan PdP terutamanya di makmal. | 1. Permohonan pembelian peralatan baharu bawah RMKe-13 telah dibuat.<br>2. Kelulusan penggantian peralatan usang di makmal melalui RMKe-12 RP5 telah diperoleh.<br>3. Pembaikan fasiliti sedia ada dibuat mengikut kecukupan peruntukan 2024. Permohonan peruntukan untuk membaiki dan menaik taraf fasiliti yang rosak seperti bumbung, makmal komputer dan lain-lain telah dibuat di bawah peruntukan mengurus One-Off.<br>4. Memperkukuhkan jaringan industri untuk mendapatkan penajaan bagi menaik taraf fasiliti sedia ada<br>5. Meningkatkan penajaan pendapatan Fakulti dengan memperkenalkan caj perkhidmatan yang lebih kompetitif<br>6. Menjalinkan kerjasama dengan pihak Pusat Perhubungan Alumni bagi mendapatkan sumbangan alumni FPV untuk tujuan menaik taraf peralatan PdP terutamanya di makmal | Berkesan tetapi usaha yang sama masih perlu diteruskan kerana keperluan infrastruktur yang kritikal untuk keperluan jumlah pelajar yang lebih tinggi pada masa akan datang. |

## SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ   | Fungsian / Operasi           | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM      | Kawalan Sedia ada  | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai   | Peluang   | Keberkesanan Tindakan  |
|----|--|------------------------------|---|--|----------------------------------|--|-------------------------|---|---|--|
| 6  | Sekolah Perniagaan dan Ekonomi                     | Pentadbiran / Perkhidmatan   | Kekurangan Tenaga Pengajar(Penyeliaan) Disebabkan Bersara (Wajib dan Pilihan)/ Letak Jawatan dan Meninggal Dunia              | Pertambahan beban tugas kepada pensyarah sedia ada   | KPI : Akademik & Antarabangsa    | a) mengawal kualiti kemasukan pelajar dengan kaedah temuduga<br>b) Memberi taklimat kepada pensyarah dan menyusun agihan pelajar | Rawat (Treat)           | LANTIKAN FELO PENGAJAR (PENYELIAAN SERAMAI 3 ORANG) DAN MEMBENARKAN GUNA SAMA BIDANG BERSAMA PTJ LAIN   | MEMANFAATKAN KESEDIAAN TENAGA KERJA SEDIA ADA DAN MENGAGIHKAN BEBAN PENYELIAAN BERSAMA PTJ YANG KURANG PELAJAR PROGRAM PENYELIDIKAN | BERKESAN   |
| 7  | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik | Infrastruktur / Persekitaran | Infrastruktur Hatcheri tidak mengikut spesifikasi sebuah Hatcheri telah reput dan berkarat (bangunan telah melebihi 10 tahun) | Air hujan dan penebat haba yang jatuh telah menjejaskan kualiti air seterusnya hasil penyelidikan dan mengakibatkan litar pintas | KPI : Penyelidikan & Inovasi     | Pembersihan tangki secara bulanan dan Pemutus litar bocor ke bumi (ELCB) akan secara automatik berfungsi                         | Rawat (Treat)           | Dalam proses naiktaraf  | Operasi sebuah Hatcheri akan menjadi lebih baik   |  |
| 8  | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik | Infrastruktur / Persekitaran | Pagar anti climb telah berkarat, reput dan tercabut   | Membahayakan keselamatan pekerja, pelajar, pelanggan dan aset  | Pihak Berkepentingan             | Pemantauan sendiri   | Rawat (Treat)           | Membuat permohonan peruntukan naik taraf pagar anti climb   | Dapat mengelakkan pencerobohan dari orang luar  |  |
| 9  | Institut Biosains                                  | Infrastruktur / Persekitaran | Bangunan IBS dicemari kulat   | Menjejaskan kesihatan, peralatan dan perkhidmatan.   | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | i) Memasang alat penapis udara di lokasi yang kritikal masalah pencemaran kulat.<br>ii) Memasang penghawa dingin 'split unit'    | Rawat (Treat)           | 1.Memohon peruntukan tambahan kepada Universiti:<br>a.menyediakan lebih banyak split aircond bagi menggantikan centralized aircond.<br>b.mengecat permukaan kulat di permukaan dinding bangunan<br>c. membeli alat penapis udara<br>2.Meningkatkan kadar pengudaraan dan pencahayaan di dalam bangunan IBS. | Mengurangkan kadar keterukan pembiakan kulat di bangunan utama IBS  | 1.Pengurang pertumbuhan kulat yang ketara pada permukaan dinding hadapan Bangunan Utama.<br>2. Pemasangan split aircond mengurangkan kadar pertumbuhan kulat di dalam bangunan/ bilik/ makmal. |

## SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                        | Fungsian / Operasi           | Penyataan Isu / Masalah  | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM         | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai  | Peluang  | Keberkesanan Tindakan   |
|----|---------------------------------|------------------------------|--|--|-------------------------------------|---|-------------------------|--|--|---|
| 10 | Institut Biosains               | Infrastruktur / Persekitaran | Pendawaian elektrik yang telah usang yang boleh mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi. | Pendawaian elektrik yang usang yang boleh mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi. | KPI :<br>Pengurusan Kewangan & Aset | Menjalankan pemeriksaan dan siasatan di lokasi oleh PPPA bagi mengenalpasti punca kejadian bekalan elektrik terputus.                                     | Rawat (Treat)           | 1. Menjalankan siasatan menyeluruh di Bangunan yang terlibat.<br>2. Telah melaksanakan baik pulih pada sebahagian masalah pendawaian elektrik.<br>3. Memohon peruntukan Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset bagi kerja-kerja baik pulih elektrik terhadap masalah pendawaian yang masih berlaku. | Mendapat peruntukan dana daripada PPPA UPM untuk penambahbaikan pendawaian elektrik di COMET     | Baikpulih yang dilaksanakan hanya menyelesaikan sebahagian masalah pendawaian elektrik di Bangunan COMET.   |
| 11 | Institut Pengajian Sains Sosial | Penyelidikan                 | Kekangan jumlah pegawai Penyelidik dan Felo Penyelidik menjejaskan bilangan proposal yang hendak dikemukakan   | Menjejaskan jumlah penyelidikan institut   | KPI :<br>Penyelidikan & Inovasi     | Pelantikan Pegawai Penyelidik Q43 dan Permohonan Perjawatan ABM2025 mengemukakan 3 perjawatan Q41 serta mencadangkan dua (2) orang Felo Penyelidik baharu | Rawat (Treat)           | mengadakan perbincangan dengan Ketua Seksyen Belanjawan berkenaan pengurangan perutnukan P29300 upahan untuk pelantikan Felo Penyelidik/Pegawai Penyelidik   | Pelantikan seorang Q43 dan seorang Felo Penyelidik   | Permohonan ABM 2025 dan 2026 skim Pegawai Penyelidik  |
| 12 | Institut Pengajian Sains Sosial | Pengajaran                   | kekangan untuk menghantar pelajar secara outbound kerana kebanyakan pelajar pasca siswazah di IPSAS bekerja  | Menjejaskan KPI IPSAS bil pelajar siswazah menyertai mobiliti/ outboud   | KPI :<br>Akademik & Antarabangsa    | mengenalpasti pelajar yang berpotensi dan dapat memberi komitmen menyertai program mobiliti   | Rawat (Treat)           | Memohon peruntukan mobiliti Outbound daripada iPUTRA dan menyediakan peruntukan daripada Tabung Amanah JINM  | Peruntukan RM3000 daripada iPutra untuk seorang pelajar  | Penyertaan mobiliti secara online   |
| 13 | Institut Pengajian Sains Sosial | Penyelidikan                 | Masa yang panjang untuk proses penerbitan dan kos yang tinggi di jurnal berstatus WOS  | Menjejaskan prestasi penerbitan penyelidik IPSAS dalam penerbitan jurnal berstatus WOS   | KPI :<br>Penyelidikan & Inovasi     | Menyenaraikan jurnal berstatus WOS dan edaran kepada semua Penyelidik Bersekutu   | Rawat (Treat)           | menyediakan peruntuk mengurus untuk top up peruntukan intensif daripada RMC kepada Penyelidik  | melaksanakan bengkel diluar kampus untuk fokus penghasilan penulisan dan penerbitan penyelidikan | Keutamaan kepada pelaksanaan bengkel penulisan untuk menghasilkan banyak penerbitan di jurnal berstatus WOS |

## SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                                     | Fungsian / Operasi           | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM      | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai | Peluang   | Keberkesanan Tindakan  |
|----|--|------------------------------|---|--|----------------------------------|---|-------------------------|---|---|--|
| 14 | Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan | Peralatan / Mesin            | Alat pengujian termal telah dibeli pada 2011. Pengeluaran alat gantian untuk alatan pengujian termal tersebut dijangka akan tamat sepenuhnya pada 2024.   | 1) Servis peralatan alat tersebut tidak dapat dijalankan sekiranya tiada alat ganti.<br>2) Penjanaaan pendapatan akan terhenti serta-merta.  | KPI : Penyelidikan & Inovasi     | Harga mesin ini terlalu mahal maka permohonan bajet RMK13 diperlukan bagi pembelian baru mesin ini. | Hapus (Terminate)       | pengantian alatan baharu yang terkini   | Pelajar dan penyelidik dapat menggunakan alatan | mengekalkan penjanaaan pendapatan PTJ  |
| 15 | Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan | Infrastruktur / Persekitaran | Sejak 2020 telah berlaku kerosakan bumbung, kebocoran semua dari bumbung hingga ke lantai aras 1 telah melimpah ke makmal aras bawah. Kawasan yang terlibat adalah siling di bilik siswazah, makmal GIS, Tandas Perempuan di tingkat 2, Makmal Fermentasi dan ruang berhadapan di bilik pegawai penyelidik. | Bumbung/ Siling runtuh mendatangkan risiko bahaya kepada staf dan pelajar dan boleh menyebabkan kecederaan yang serius.<br><br>Ruang bilik yang lembab menyebabkan pertumbuhan kulat dan membahayakan kesihatan. | Pihak Berkepentingan             | Memindahkan peralatan di bilik yang terlibat ketempat yang lebih selamat.                           | Pindah (Transfer)       | Memohon peruntukan kewangan RMK13   | Mendapat kelulusan peruntukan kewangan          | Mendapat perhatian daripada Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset (PPPA) universiti  |
| 16 | Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan | Keselamatan / Kesihatan      | Kerosakan 2 unit kipas Ekzos di Makmal Pembangunan Produk, Laboratori Teknologi Biokomposit.  | Penyediaan sampel menggunakan Hot Press biasanya akan mengeluarkan gas yang berbahaya kepada staf dan pelajar.   | Pihak Berkepentingan             | Penyediaan sampel dihadkan untuk masa yang tertentu   | Rawat (Treat)           | memohon peruntukkan untuk penggantian dan penyelenggaraan alat  | Mendapat kelulusan peruntukan kewangan          | memperoleh alatan yang baharu  |
| 17 | Institut Nanosains dan Nanoteknologi         | Kewangan                     | Peruntukan kewangan mengurus tahunan dikurangkan/dipotong menyebabkan kemudahan infrastruktur tidak dapat diperbaiki  | - Kualiti perkhidmatan terjejas<br>- Pengoperasian berjalan dalam kos minima   | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | Menggunakan peruntukan Tabung Amanah  | Pindah (Transfer)       | Perincian peruntukan mengikut keutamaan dan perbelanjaan mengikut perancangan                           | Mengawal dan merancang perbelanjaan             | Beroperasi menggunakan perbelanjaan secara minimum. Beberapa perancangan terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh kekangan bajet pengurusan |

## SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                             | Fungsian / Operasi      | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko                                | Kesan Kepada Bidang KPI UPM      | Kawalan Sedia ada  | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai   | Peluang  | Keberkesanan Tindakan  |
|----|--------------------------------------|-------------------------|---|---|----------------------------------|--|-------------------------|---|--|--|
| 18 | Institut Nanosains dan Nanoteknologi | Keselamatan / Kesihatan | Kemalangan di makmal  | Kecederaan pada pelajar/staf                    | Pihak Berkepentingan             | Peraturan penggunaan makmal  | Rawat (Treat)           | Memastikan peralatan eksperimen mematuhi ciri-ciri keselamatan dan diverifikasi oleh pihak bertanggungjawab   | Peralatan eksperimen selamat digunakan seterusnya mengurangkan risiko kemalangan   | SOP peralatan eksperimen telah ditambahbaik  |
| 19 | Pusat Asasi Sains UPM                | Kewangan                | Peruntukan kewangan belanja mengurus tahunan dikurangkan / dipotong memberi impak kepada penyediaan infrastruktur | Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | i. Menyediakan anggaran perbelanjaan pada awal tahun.<br>ii. Melaksanakan perbelanjaan berhemah. | Rawat (Treat)           | Meningkatkan pendanaan pendapatan tabung amanah sedia ada di PTJ seperti aktiviti seminar, pengambilan pelajar YTP, T20 dan pelajar antarabangsa serta sewaan kafetaria bagi menampung sebahagian keperluan kewangan. | Meningkatkan bilangan pelajar tajaan YTP MARA, T20, Petronas, Yayasan Khazanah dan pelajar antarabangsa.   | Sumber kewangan daripada tabung amanah digunakan sebahagiannya untuk menampung aktiviti pengajaran & pembelajaran, aktiviti pelajar dan penyelenggaraan fasiliti kerana peruntukan belanja mengurus tidak mencukupi. |
| 20 | Pusat Asasi Sains UPM                | Pengajaran              | Kekurangan geran penyelidikan   | Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran | KPI : Akademik & Antarabangsa    | Melaksanakan penyelenggaraan berkala ke atas peralatan makmal                                    | Rawat (Treat)           | 1. Menggantikan peralatan usang di makmal secara berperingkat menggunakan peruntukan mengurus dan sebahagian peruntukan tabung amanah PTJ keadaan mendesak.   | Mendapat peruntukan penggantian peralatan usang melalui Rancangan Malaysia Ke 13 (RMK13) tahun 2026 dan peruntukan Fasiliti dan Alat Usang One Off tahun 2025. | Melaksanakan perolehan peralatan makmal bagi menggantikan peralatan yang rosak secara berperingkat bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.  |

# SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                                  | Fungsian / Operasi              | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM              | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai   | Peluang   | Keberkesanan Tindakan   |
|----|---|---------------------------------|---|--|--|---|-------------------------|---|---|---|
| 21 | Pusat Kesihatan Universiti                | Pentadbiran / Perkhidmatan      | Sistem eKlinik PKU UPM sekarang tidak lagi relevan dan tidak memenuhi keperluan medico legal serta usang. | <ol style="list-style-type: none"> <li>Nota klinikal pesakit tidak dapat ditulis dengan sempurna dan perkara ini akan menjadi masalah sekiranya berlaku kes-kes berkenaan medikolegal.</li> <li>Keselamatan maklumat diragui.</li> <li>Telah berlaku kehilangan data pesakit.</li> </ol> | KPI :<br>Kemampuan Kewangan              | <ol style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan nota sendiri melalui buku nota/ templat temujanji pegawai pergigian secara manual (sekiranya berkenaan)</li> <li>Pendaftaran semula maklumat pelanggan apabila kehilangan data berlaku</li> <li>Perekodan secara manual data kes pesakit mengalami kes kemalangan/kecederaan di UPM</li> </ol>  | Pindah (Transfer)       | Pembangunan Sistem e-Klinik Baharu dengan penglibatan pihak IDEC dan Pejabat Bursar bermula tahun 2025 dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026.  | <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengoptimumkan pemberian perkhidmatan perubatan dan pergigian di PKU.</li> <li>Menambahbaik proses kerja staf PKU.</li> </ol>  | Sistem e-Klinik baharu yang lebih relevan dan mampu memenuhi keperluan perkhidmatan   |
| 22 | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | Teknologi Maklumat & Komunikasi | Gangguan capaian rangkaian Internet & Intranet (Dalam/ Luaran)  | Proses pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran terjejas  | KPI :<br>Perkhidmatan Perpustakaan & ICT | <ol style="list-style-type: none"> <li>Pemantauan peralatan rangkaian secara berterusan (real time) menggunakan perisian Paessler Router Traffic Grapher (PRTG).</li> <li>Perkhidmatan Jaminan Pengeluar (warranty) dan Penyelenggaraan Core Switch Utama UPMNet.</li> <li>Jaminan tahap perkhidmatan [Service Level Guarantee (SLG)] oleh pembekal perkhidmatan internet.</li> <li>Penyelenggaraan dalaman peralatan rangkaian.</li> </ol> | Rawat (Treat)           | <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan proses perolehan UPMNet 4.0 Fasa 3</li> <li>Pelaksanaan projek rangkaian FTTR di kolej kediaman UPM Serdang (Dalam pelaksanaan)</li> <li>Pelaksanaan projek rangkaian FTTR di kolej kediaman UPM Kampus Bintulu (Telah selesai)</li> <li>Penilaian perkhidmatan Internet di setiap PTJ yang terlibat dengan naiktaraf infrastruktur rangkaian</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>Pengurangan bilangan aduan serangan siber.</li> <li>Pertambahan pegawai yang kompeten bagi melaksanakan ujian/penilaian keselamatan ICT</li> <li>Mempertingkatkan kesedaran serta memperkasakan pengetahuan berkaitan perkara teknologi maklumat dan komunikasi di kalangan pekerja UPM</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan proses perolehan UPMNet 4.0 Fasa 3 (Perolehan melalui projek MCMC-Skop Wifi)</li> <li>Pelaksanaan projek rangkaian FTTR di kolej kediaman UPM Serdang (Fasa 1 - Februari 2025)</li> <li>Pelaksanaan projek rangkaian FTTR di kolej kediaman UPM Kampus Bintulu (29 November 2024)</li> <li>Penilaian perkhidmatan Internet di setiap PTJ yang terlibat dengan naiktaraf infrastruktur rangkaian (cadangan penilaian pada sukuan ke-2 Q2 2025)</li> </ol> |

## SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                                   | Fungsian / Operasi         | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai                                 | Peluang   | Keberkesanan Tindakan  |
|----|--|----------------------------|---|--|-----------------------------|---|-------------------------|---|---|--|
| 23 | Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear        | Peralatan / Mesin          | KEKERAPAN PENYELENGGARAAN MESIN KLINIKAL YANG TINGGI  | TIADA PERUNTUKAN KHAS UNTUK DISELENGGARA MENGIKUT KEPERLUAN  | KPI :<br>Kemampuan Kewangan | MERANCANG UNTUK Mencari Vendor Yang menawarkan HARGA YANG LEBIH MURAH   | Rawat (Treat)           | PTJ telah menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh dan merancang proses penyelenggaraan dan pembaikan secara berperingkat.             | PTJ dapat menjalankan pembaikan dan penyelenggaraan secara berfasa. | Proses pembaikan dapat diutamakan kepada kerosakan yang paling utama   |
| 24 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen | Pentadbiran / Perkhidmatan | Staf kontrak yang berhenti dan mendapat tetap serta dipindahkan ke PTJ lain   | Seksyen Pentadbiran dan Kewangan terpaksa berulang kali memproses prosedur lantikan baru, perlanjutan kontrak, mengadakan latihan yang bersesuaian dan penstrukturan semula organisasi. Operasi seksyen juga akan tergendala setiap kali berlaku tukar ganti staf. | KPI : Sumber Manusia        | Pengagihan tugas dalam kalangan staf sedia ada  | Rawat (Treat)           | Melantik staf jawatan Pegawai Eksekutif (PE) dan Personel MyStep menggunakan peruntukan Tabung Amanah PTJ                               | Dapat mengukuhkan semula operasi WAZAN                              | Operasi WAZAN dapat diteruskan dengan langkah kawalan yang sedia ada   |
| 25 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen | Kewangan                   | Kekurangan dana amil bagi menampung kos operasi WAZAN kerana peruntukan sedia ada terpaksa membiayai emolumen staf kontrak yang sangat ramai                                | 1. Operasi WAZAN terjejas teruk (meliputi kos promosi, utiliti, pengurusan pejabat, aset, latihan, latihan) dan tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan dana<br>2. Tidak dapat menyokong/ menyumbang kepada pendapatan UPM                                      | KPI :<br>Kemampuan Kewangan | Mengoptimumkan tenaga kerja dalam kalangan staf sedia ada (multitasking) bagi menjimatkan kos penggunaan peruntukan bagi tujuan bayaran emolumen staf kontrak.                      | Rawat (Treat)           | Mengoptimumkan sumber tenaga sedia ada  |   | Dapat memanfaatkan penggunaan dana amil bagi tujuan lain seperti latihan, peralatan pejabat, promosi dan aktiviti lain                                 |
| 26 | Pusat Pertanian Putra                      | Lain-lain                  | Bekalan diesel yang tidak konsisten menyebabkan kos penyelenggaraan jentera meningkat yang menyebabkan enjin traktor bermasalah dan operasi penyelenggaraan ladang terhenti | Potensi kerosakan kepada mesin dan jentera serta menjejaskan produktiviti pertanian pada masa akan datang  | KPI :<br>Pertanian          | 1. Pembelian secara runcit di Petronas<br>2. Perbincangan dengan Pejabat Bursar bagi peruntukan khas diesel untuk menampung perkhidmatan yang disediakan oleh pelajar dan PTJ luar. | Pindah (Transfer)       | Perolehan diesel secara berkontrak dibuat untuk setahun pada tahun 2025, tertakluk kepada peruntukan yang disalurkan oleh pihak Bursar. |   | 1. Meningkatkan kecekapan operasi ladang.<br>2. Mengurangkan kerosakan kepada jentera / alat pertanian yang disebabkan oleh kekurangan bekalan diesel. |

## SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                                   | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM      | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai  | Peluang   | Keberkesanan Tindakan                         |
|----|--|--------------------|---|--|----------------------------------|---|-------------------------|--|---|---|
| 27 | Pejabat Pentadbiran, Pejabat Naib Canselor | Undang - Undang    | Pelanggaran terhadap pematuhan Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1967. | Kelulusan Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada UPM ditarik semula oleh LHDN menyebabkan UPM perlu membayar cukai pendapatan dan tidak lagi boleh menerima derma orang ramai bagi membiayai kegiatan pendidikan, penyelidikan, kegiatan dan kebajikan pelajar di UPM. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1) Memastikan PTJ menyediakan laporan aktiviti, gambar & video dan senarai penerima manfaat/peserta.<br>2) Meningkatkan visibiliti promosi kutipan derma pada semua laman web UPM & PTJ.<br>3)Memastikan penyata kewangan beraudit, senarai penderma dan Borang Nyata Cukai Pendapatan UPM (BNCP) dikemukakan kepada LHDN sebelum 30 April setiap tahun.<br>4)Memastikan kesemua 8 pelanggaran ditutup. | Rawat (Treat)           | 1) Task force penyelesaian pematuhan audit LHDN telah diwujudkan untuk menyelesaikan/menutup 8 pelanggaran pematuhan Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967.<br>2) Memastikan PTJ menyediakan laporan aktiviti, gambar & video dan senarai penerima manfaat/peserta.<br>3) Meningkatkan visibiliti promosi kutipan derma pada semua laman web UPM & PTJ.<br>4)Memastikan penyata kewangan beraudit, senarai penderma dan Borang Nyata Cukai Pendapatan UPM (BNCP) dikemukakan kepada LHDN sebelum 30 April setiap tahun.<br>5)Memaklumkan kepada LHDN jika terdapat perubahan Ahli Lembaga Pengarah Universiti.<br>6)Memastikan manfaat/elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah minimum dan munasabah.<br>7)Memastikan UPM tidak menanggung kerugian syarikat subsidiari.<br>8)Memaklumkan kepada LHDN sebarang pindaan pada perlembagaan universiti.<br>9)Memaklumkan kepada LHDN perancangan dan pembelian sebenar aset pada setiap tahun.<br>10)Memastikan kesemua 8 pelanggaran ditutup sebelum permohonan semula perlanjutan kelulusan pelepasan cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. | Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1967 dipatuhi. | Tindakan masih berterusan dan secara berfasa. |

# SENARAI RISIKO TINGGI HY2 2024

| No | Nama PTJ                        | Fungsian / Operasi      | Penyataan Isu / Masalah   | Penyataan Risiko   | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada   | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru Jika Tahap Masih Kuning atau Merah Penilaian Jika Belum Nilai  | Peluang   | Keberkesanan Tindakan   |
|----|---------------------------------|-------------------------|---|--|-----------------------------|---|-------------------------|--|---|---|
| 28 | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah | Keselamatan / Kesihatan | Insiden yang tidak diingini berlaku kepada pesakit (contoh: pesakit jatuh semasa menjalani rawatan, kesalahan memberi ubat) | Hospital akan menerima aduan dan menjejaskan imej                          | Pihak Berkepentingan        | 1) Menjalankan audit<br>2) Menubuhkan task force untuk membangunkan SOP | Rawat (Treat)           | 1) Menjalankan audit<br>2) Membangun dan menggunakan sistem Electronic Incident Reporting and Analysis System (EIRAS) untuk pelaporan dan pengurusan insiden<br>3) Memperkasa tindakan pencegahan bagi mengelak insiden berulang berlaku | Memperbaiki proses dalaman, meningkatkan keselamatan dan kualiti perkhidmatan serta memberi impak positif kepada pengurusan hospital. | Mengurangkan kejadian insiden melalui peningkatan keselamatan pesakit, budaya keselamatan dalam organisasi serta peningkatan kecekapan. |
| 29 | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah | Lain-lain               | Kesilapan padanan data pesakit pada borang dan kad temujanji  | Keputusan ujian yang tidak tepat dikeluarkan dan menjejaskan nyawa pesakit | Pihak Berkepentingan        | -   | Rawat (Treat)           | 1) Menjalankan audit<br>2) Membangun dan menggunakan sistem Electronic Incident Reporting and Analysis System (EIRAS) untuk pelaporan dan pengurusan insiden<br>3) Memperkasa tindakan pencegahan bagi mengelak insiden berulang berlaku | Pengurangan risiko kesilapan perubatan yang mengancam nyawa   | Penurunan kesilapan dalam data, peningkatan keselamatan pesakit dan peningkatan kualiti rawatan.  |



Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-62 diminta mengambil maklum dan perhatian:

1. Jumlah isu UPM pada tahun 2024 adalah sebanyak 397 iaitu 335 isu dalaman dan 62 isu luaran;
2. Penilaian Risiko Operasi bagi Pertengahan Tahun Kedua 2022 (HY2) UPM adalah sebanyak 36.5% tahap risiko Rendah, 56% risiko Sederhana, 7% risiko Tinggi dan 0.5% risiko belum dinilai;
3. Bilangan isu bertambah sebanyak 22 bagi Penilaian Risiko Operasi HY2 (2024) dibandingkan dengan Risiko Operasi HY2 (2023)
4. Senarai risiko tinggi PTJ berjumlah 29 dan kaedah kawalan tindak balas ke atas risiko tersebut bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal.



Pertanian • Inovasi • Kehidupan  
**Berilmu Berbakti**

Terima Kasih